

23 JAN 1998

Mahathir-Pentadbiran

DR MAHATHIR NAFI KETIDAKCEKAPAN PENTADBIRAN PUNCA MASALAH EKONOMI

JITRA, 23 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan dakwaan beberapa negara maju kononnya masalah ekonomi negara sekarang berlaku disebabkan oleh ketidakcekapan pentadbiran.

Perdana Menteri berkata negara-negara maju yang membuat dakwaan itu sebenarnya mengalami ketidakcekapan pentadbiran yang lebih teruk daripada negara ini.

Sebenarnya, masalah rasuah, pilih kasih, defisit belanjawan, kemiskinan dan pengangguran lebih teruk berlaku dalam pentadbiran sesetengah negara maju, katanya.

"Alasan kononnya mata wang jatuh kerana kerajaan tidak baik adalah alasan semata-mata," katanya semasa merasmikan bangunan baru Tenaga Nasional Berhad di sini.

Mereka yang mendapat keuntungan dengan menjatuhkan nilai mata wang negara ini adalah penyebab orang miskin kini jadi lebih miskin di negara ini, katanya.

Menyentuh soal rasuah, Dr Mahathir tidak menafikan wujudnya rasuah di negara ini tetapi amalan itu katanya tidaklah seteruk seperti di sesetengah negara Barat sehingga menjejaskan pembangunan negara.

"Ada wakil rakyat di negara maju yang meminta wang daripada rakyat untuk menyuarakan masalah rakyat di Parlimen," katanya.

Mengenai pilih kasih, Perdana Menteri berkata mereka mendakwa kononnya tiada pilih kasih di negara mereka tetapi sebenarnya pemimpin mereka mengamalkan sikap itu.

Contohnya, pemimpin negara maju sering menghantar surat kepadanya meminta supaya syarikat negara itu diberikan kontrak oleh kerajaan, katanya.

Beliau berkata negara-negara maju lebih banyak mengalami masalah kewangan dan ada di antara mereka yang mempunyai defisit belanjawan sebanyak US\$5 trilion (RM17 trilion) jauh lebih buruk daripada belanjawan negara ini.

Perdana Menteri berkata masalah kemiskinan di sesetengah negara maju jauh lebih teruk daripada keadaan di negara ini.

"Di negara maju terdapat rakyat yang terpaksa tidur di tepi jalan dan atas bangku sahaja sehingga ada di antaranya mati kerana kesejukan," katanya.

Di Malaysia, peratus rakyat termiskin berkurangan daripada 50 peratus pada tahun 1970 kepada tujuh peratus sekarang.

Kerajaan pula sentiasa membantu golongan termiskin untuk meningkatkan taraf hidup mereka dengan menyediakan pelbagai bantuan termasuk Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang membantu dari segi pekerjaan dan perumahan golongan itu.

Berbanding dengan Eropah, katanya, 20 peratus rakyat mereka tidak mempunyai pekerjaan dan bergantung hidup kepada sedekah (bantuan) kerajaan tetapi di Malaysia, negara ini telah mencapai gunatenaga penuh sehingga terpaksa membawa masuk kira-kira 1.7 juta pekerja asing.

Dr Mahathir mengajak rakyat merenung kemajuan yang dicapai negara di bawah pentadbiran penjajah dan pentadbiran rakyat negara ini sejak mencapai kemerdekaan 41 tahun dahulu.

Malaysia, katanya, telah mencapai kemajuan luarbiasa dalam tempoh itu tanpa bergantung kepada bantuan kepakaran dan kewangan negara-negara maju.

"Jarang sekali kita meminta bantuan daripada kepakaran asing. Kita

melatih rakyat kita sehingga mereka mampu membawa negara ini mencapai kemajuan yang dinikmati sekarang," katanya.

Beliau mengulangi kenyataannya bahawa kerajaan tidak akan membiarkan negara ini dijajah semula walau dalam apa bentuk pun.

Ekoran kejatuhan nilai mata wang negara, katanya, ada yang cuba mewujudkan situasi supaya rakyat negara ini menekan kerajaan untuk menukar kepimpinan negara dan Dr Mahathir menasihatkan rakyat supaya berhati-hati dengan tindakan golongan-golongan yang cuba menguasai ekonomi negara pada mulanya dan selepas itu cuba pula mencampuri urusan politik negara. --

BERNAMA

JM/MZM RON